

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab bersama soalan ini iaitu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan tersebut adalah Y Y.B.Gombak pada 20.03.2014, YB Lanang pada 20.03.2014 dan YB Bukit Bintang pada 25.03.2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meneruskan sekali lagi Program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2014) pada tahun 2014 sebagai usaha untuk membantu meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah serta selaras dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar. Pada BR1M 2014, beberapa kriteria telah ditambah baik merangkumi seperti berikut:

- 1) bagi kategori isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah, nilai bantuan ditingkatkan daripada **RM500 kepada RM650**.
- 2) sebagai tambahan, kategori bantuan juga **diperluaskan** kepada isi rumah berpendapatan bulanan di antara **RM3,001 hingga RM4,000 dengan nilai bantuan RM450**.

3) memperkenalkan **caruman i-BR1M** bernilai RM50 kepada penerima isi rumah BR1M dengan nilai **perlindungan maksimum sehingga RM30,000** sekiranya berlaku **kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh akibat kemalangan. Jika Kematian biasa, Khairat Kematian adalah RM1000.00..**

i) Tempoh perlindungan i-BR1M adalah bermula dari 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014; dan

ii) Perlindungan takaful diberi kepada penerima isi rumah sahaja;

4) **warga emas sebatang kara** (berumur 60 tahun dan ke atas) menerima kenaikan jumlah BR1M iaitu daripada **RM500 kepada RM650** bagi yang berpendapatan dibawah RM3,000 dan turut menerima bantuan BR1M RM450 bagi yang berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.

5) bagi kategori **bujang** berumur 21 tahun dan ke atas berpendapatan bulanan RM2,000 dan ke bawah, bantuan ditingkatkan daripada **RM250 kepada RM300.**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua rakyat Malaysia layak untuk memohon bantuan BR1M walaupun mereka juga adalah penerima bantuan sedia ada seperti penerima bantuan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), e-Kasih dan juga masyarakat Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Pada tahun 2012, penerima BR1M 2012 adalah seramai 4.2 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion, manakala penerima tahun 2013 BR1M 2.0 adalah seramai 6.8 juta orang dengan peruntukan sebanyak RM3 bilion. Bagi tahun 2014, BR1M 2014 dijangka akan memanfaatkan hampir 7.9 juta penerima dengan anggaran peruntukan sebanyak RM4.5 bilion. Sehingga 3 Mac 2014, sebanyak 8.1 juta permohonan telah diterima di mana sebanyak 6 juta permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan sebanyak RM3 bilion manakala baki 2.1 juta permohonan masih sedang diproses. Daripada jumlah yang diluluskan, seramai 3.8 juta adalah penerima isi rumah manakala baki 2.2 juta adalah penerima individu bujang.

Untuk makluman juga, pemberian BR1M adalah bermatlamat untuk

membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah dan mengimbangi kenaikan harga barangan. Bantuan ini telah dapat meringankan beban rakyat dalam membantu mereka membayar utiliti, ubat-ubatan, pakaian, membeli barangan keperluan harian seperti beras, ikan, daging, sayur-sayuran dan lain-lain.

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan BR1M yang diberikan adalah secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Kejayaan program BR1M adalah hasil kekukuhan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.